

## MEMO

JABATAN TENAGA MANUSIA  
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

RUJUKAN: JTM/HQ/900-3/8 (24)

TARIKH: 16 DISEMBER 2013

|                                                                                        |                             |
|----------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------|
| PERKARA : EDARAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PEPERIKSAAN<br>DAN PERSIJILAN BIL 3/2013 |                             |
| DARIPADA : KPP(KT) 2                                                                   | SALINAN :<br><br>1) TKP JTM |
| KEPADA : SEPERTI DI LAMPIRAN 1                                                         |                             |

Tuan/Puan ,

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Bersama ini disertakan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Peperiksaan dan Persijilan Bil 3/2013 untuk rujukan dan tindakan tuan/puan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**  
**'Pekerja Pemangkin Transformasi Negara'**

**(AZLINA BINTI MOHAMAD SHAFIE)**

b.p Ketua Pengarah  
Jabatan Tenaga Manusia.

1. PENGARAH JM TI
2. PENGARAH ADTEC SHAH ALAM
3. PENGARAH ADTEC BATU PAHAT
4. PENGARAH ADTEC KULIM
5. PENGARAH ADTEC MELAKA
6. PENGARAH ADTEC TAIPING
7. PENGARAH ADTEC KEMAMAN
8. PENGARAH ADTEC BINTULU
9. PENGARAH ADTEC JERANTUT
10. PENGARAH ILP KANGAR
11. PENGARAH ILP Jitra
12. PENGARAH ILP KEPALA BATAS
13. PENGARAH ILP AP NIBONG TEBAL
14. PENGARAH ILP PERAI
15. PENGARAH ILP IPOH
16. PENGARAH ILP KUALA LANGAT
17. PENGARAH ILP KUALA LUMPUR
18. PENGARAH ILP PEDAS
19. PENGARAH ILP BUKIT KATIL
20. PENGARAH ILP SELANDAR
21. PENGARAH ILP LEDANG
22. PENGARAH ILP PASIR GUDANG
23. PENGARAH ILP MERSING
24. PENGARAH ILP KUANTAN
25. PENGARAH ILP KUALA TERENGGANU
26. PENGARAH ILP KOTA BHARU
27. PENGARAH ILP MIRI
28. PENGARAH ILP KOTA SAMARAHAN
29. PENGARAH ILP KOTA KINABALU
30. PENGARAH ILP SANDAKAN
31. PENGARAH ILP LABUAN
32. PENGARAH ILP MARANG

**MINIT MESYUARAT  
JAWATANKUASA PEPERIKSAAN DAN PERSIJILAN BIL 3/2013  
JABATAN TENAGA MANUSIA**

**Tarikh :** 11 – 12 September 2013

**Masa :** 9.00 pagi – 4.30 petang

**Tempat :** Bilik Mesyuarat Utama, Ibu Pejabat  
Jabatan Tenaga Manusia

**Pengerusi :** Tn. Syed Mohamad Noor Bin Syed Mat Ali

**Kehadiran :** Seperti di Lampiran A

---

**1.0 PERUTUSAN Pengerusi**

- 1.1** Pengerusi memulakan salam dan mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir pada mesyuarat ini. Mesyuarat dimulakan dengan bacaan Al-Fatihah.
- 1.2** Pengerusi memaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Peperiksaan dan Persijilan (MJPP) Bil 3/2013 ini bertujuan untuk mengesahkan keputusan terkini pelajar bagi membolehkan pelajar yang telah tamat pengajian layak menghadiri Majlis Konvokesyen ILJTM pada tahun ini. Majlis Konvokesyen bagi Wilayah Sabah & Sarawak akan diadakan pada bulan Oktober 2013 dan bagi semenanjung pada November 2013.

**Makluman**

**2.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PEPERIKSAAN DAN PERSIJILAN BILANGAN 1/2013 DAN 2/2013**

- 2.1** KPP(KT)2 membentangkan catatan minit mesyuarat Jawatankuasa Peperiksaan dan Persijilan bilangan 1/2013 dan 2/2013 seperti di **Lampiran 1**.

**Makluman**

- 2.2 Mesyuarat mencadangkan agar permohonan pentauliahan sedia ada yang dibuat oleh Pusat Bertauliah masing-masing dibuat secara berpusat melalui jabatan agar tarikh dan tempoh sah pentauliahan dapat diseragamkan. KPP(KT) memaklumkan bahawa tarikh pentauliahan masih akan berbeza, mengikut prosedur lawatan pihak JPK ke setiap Pusat Bertauliahan.

Tindakan : P(KT)

- 2.3 Wakil P(ILP APNT) memaklumkan telah memohon penangguhan pelaksanaan CoCU. Oleh yang demikian, pihak ILP APNT tidak dapat memohon pentauliahan Tahap 3 secara Single Tier kerana pihak institut tidak pernah ditauliahkan dengan Tahap 3 sebelum ini. KPP (KT) memaklumkan perbincangan dengan pihak JPK akan diadakan bagi membincangkan isu tersebut.

Tindakan : P(KT)

- 2.4 KPP(KT)2 memaklumkan Pelaksanaan Penilaian Kendiri akan dilaksanakan mulai sesi 1/2014. Pemantauan secara crosscheck akan dijalankan dengan Pegawai Naziran bertindak sebagai Pegawai Pengesah Luaran. Walau bagaimanapun, minggu kedua peperiksaan akan dipantau oleh pengawas dalaman bagi mengurangkan implikasi kos ke atas jabatan.

Makluman

### 3.0 PEMBENTANGAN LAPORAN PELAKSANAAN PEPERIKSAAN SECARA OPEN BOOK

- 3.1 KPP(KT)2 membentangkan Laporan Pelaksanaan Peperiksaan secara *Open Book* seperti di **Lampiran 2.**

Makluman

- 3.2 Mesyuarat bersetuju menggunakan terma "Penggunaan Smart Sheet" bagi menggantikan terma "Open Book Test" semasa peperiksaan akhir subjek matematik dan sains. Penggunaan Smart Sheet akan berterusan sehingga sesi 2/2014 dan kaedah yang digunakan adalah menggunakan sehelai kertas

bersaiz A4 (halaman depan dan belakang). Rumus pada kertas soalan akan disediakan oleh penggubal. Mesyuarat mencadangkan agar BKT ibu pejabat membuat kajian perbandingan keputusan peperiksaan pelajar sebelum dan selepas penggunaan "Smart Sheet".

Tindakan : P(KT) dan Semua P(ILJTM)

- 3.3 Mesyuarat bersetuju cadangan untuk menetapkan pemberat bagi kaedah penilaian untuk kerja kursus dibincangkan di dalam jawatankuasa yang lain.

Tindakan : P(KT)

#### 4.0 LAPORAN PENGGUNAAN TMS – MODUL CGPA

- 4.1 KPP(KT)2 membentangkan Laporan Penggunaan TMS – Modul CGPA seperti di Lampiran 3.

Makluman

- 4.2 Mesyuarat dimaklumkan bahawa penggunaan TMS meningkat berbanding tahun lepas. ADTEC Shah Alam akan menyediakan helpdesk untuk apa-apa permasalahan berkaitan TMS.

Makluman

- 4.3 Semua ILJTM diberi tempoh dua minggu untuk melengkapkan modul enrolment subjek di dalam TMS.

Tindakan : Semua P(ILJTM)

#### 5.0 LAPORAN PEGAWAI NAZIRAN 3/2013

- 5.1 KPP(KT)2 membentangkan Laporan Pegawai Naziran seperti di Lampiran 4.

Makluman

- 5.2 Mesyuarat setuju untuk membawa maklumat mana-mana institut yang memerlukan persijilan SKM secara PPT untuk pengajar bagi mana-mana kursus yang mendapat kelulusan pentauliahan bersyarat di dalam Mesyuarat Penyelarasan Latihan peringkat Kementerian.

Makluman

6.0 PEMBENTANGAN DAN PENGESAHAN KEPUTUSAN AKHIR PELAJAR KELUARAN 1/2013 DARIPADA PENGARAH-PENGARAH ILTM

- 6.1 Pengarah membentangkan keputusan akhir pelajar keluaran Sesi 2/2012 kepada ahli mesyuarat untuk disahkan seperti di **Lampiran 5**.

Makluman

- 6.2 Mesyuarat bersetuju untuk menambah ruang pada Borang Maklumat Persijilan untuk dimuatkan ruang bagi meletakkan status kumpulan pelajar yang menangguhkan pengajian.

Tindakan : P(KT)

- 6.3 Mesyuarat ambil maklum supaya memberi perhatian terhadap borang SPC.06 yang tidak diisi dengan tepat bagi pernyataan perakuan kelayakan penganugerah sijil.

Tindakan : P(ILTM)

## 7.0 HAL-HAL BERBANGKIT

### HAD TANGGUH

7.1 Mesyuarat bersetuju dengan cadangan pindaan tempoh tangguh pelajar mengikut program latihan seperti berikut :

- a) Sijil Juruteknik Perindustrian : 1 semester
- b) Sijil Teknologi : 2 semester
- c) Sijil Teknologi (Ambilan SKM 2) : 1 semester
- d) Diploma Teknologi (Ambilan SPM) : 4 semester
- e) Diploma Teknologi (Ambilan SKM) : 2 semester
- f) Diploma Lanjutan Teknologi : 2 semester

7.2 Mesyuarat bersetuju untuk peringkat Sijil, pelajar yang menangguhkan pengajian tidak diberi elaun tetapi dibenarkan menginap di asrama dan makan/minum diberi secara percuma. Manakala untuk peringkat Diploma/Diploma Lanjutan, pelajar dikenakan yuran pengajian berdasarkan unut kredit yang diambil. Tarikh kuatkuasa bagi had tangguh adalah bermula pada pelajar kemasukan Sesi Julai 2014.

Tindakan : P(KT)

### KO-KURIKULUM

7.3 Mesyuarat bersetuju peratus kehadiran wajib iaitu 90% bagi ko-kurikulum untuk program Diploma Teknologi Kejuruteraan dikekalkan.

Makluman

### PEPERIKSAAN ULANGAN

7.4 Mesyuarat bersetuju peperiksaan ulangan dimansuhkan bagi program Diploma Teknologi Kejuruteraan. Peperiksaan khas akan diwujudkan bagi membenarkan pelajar menduduki peperiksaan akhir sekiranya pelajar berkenaan tidak dapat hadir peperiksaan akhir dengan alasan yang kukuh dan diluluskan oleh pengarah.

Tindakan : P(KT)

- 7.5 Mesyuarat bersetuju untuk meminda status kedudukan akademik sedia ada seperti di Lampiran 6. Tarikh kuatkuasa bagi status akademik ini adalah bermula pada pelajar kemasukan Sesi Julai 2014.

Tindakan : P(KT)

#### ULANG NILAI

- 7.6 Mesyuarat bersetuju markah Ulang Nilai bagi kerja kursus diambil markah maksimum iaitu sebanyak 50% sahaja. Tarikh kuatkuasa bagi penggunaan markah maksimum ini adalah bermula pada pelajar kemasukan Sesi Julai 2014.

Tindakan : P(KT)

#### PEPERIKSAAN AKHIR AMALI

- 7.7 Mesyuarat bersetuju untuk menambah elemen penilaian iaitu "Perkara Kritikal" bagi kriteria penilaian peperiksaan akhir amali berkuatkuasa pada pelajar kemasukan Sesi Julai 2014.

Tindakan : P(KT)

#### PEMBANGUNAN PORTFOLIO

- 7.8 Mesyuarat bersetuju bahawa pihak institut diberi kebebasan untuk mewujudkan kaedah pembangunan portfolio bagi Persijilan Kemahiran Malaysia dengan syarat memenuhi semua keperluan yang ditetapkan oleh pihak JPK dan diseragamkan diantara semua bahagian.

Tindakan : P(ILTM)

- 7.9 Pihak BKT akan mengeluarkan memo kepada semua Pegawai Naziran (PN) untuk menerima pakai kaedah pembangunan portfolio yang dilaksanakan di setiap institut dengan syarat kaedah yang digunakan memenuhi keperluan JPK. Pihak institut dikehendaki menerangkan kaedah pelaksanaan pembangunan portfolio masing-masing semasa mesyuarat pembukaan verifikasi PN dijalankan.

Tindakan : P(KT)

- 7.10 Mesyuarat juga ambil maklum bahawa semakan portfolio oleh PN hanya melibatkan tahap-tahap yang tidak didaftarkan sahaja. Bagi mana-mana kursus yang menggunakan silibus secara single-tier, semakan portfolio oleh PN akan dilaksanakan setelah semua bukti bagi tahap tersebut telah dilengkapkan.

Tindakan : P(KT)

#### KEPUTUSAN PERSIJILAN

- 7.11 Mesyuarat ambil maklum bahawa keputusan persijilan pelajar yang disahkan di dalam mesyuarat ini hendaklah dihantar ke Ibu Pejabat dalam bentuk softcopy bagi tujuan hebahan di laman web selewat-lewatnya pada 26 September 2013.
- 7.12 Mesyuarat dimaklumkan sebarang pindaan terhadap dokumen persijilan pelajar hendaklah dikemukakan selewat-lewatnya pada 17 September 2013. Selepas tarikh tersebut, pihak BKT akan mengeluarkan memo hebahan bagiewartakan keputusan persijilan bagi mesyuarat ini.

Tindakan : P(KT) & P(ILJTM)

#### PELAKSANAAN KURSUS BARU

- 7.13 Mesyuarat dimaklumkan mana-mana ILJTM yang merancang untuk melaksanakan program baru diminta menghantar perhomonan ke BKT selewat-lewatnya pada hujung September ini. Mesyuarat bagi mendapatkan kelulusan tersebut akan diadakan pada bulan Oktober 2013.

Tindakan : P (ILJTM)

#### VALIDASI SILIBUS DAN WIM

- 7.14 Mesyuarat dimaklumkan Unit Kurikulum, BKT akan mengedarkan borang validasi penggunaan silibus dan WIM selepas satu semester penggunaanya. Tujuan penggunaan borang tersebut ialah untuk menentusahkan kesesuaian silibus/WIM tersebut.

Tindakan : P(KT)

SULIT

#### 8.0 PENANGGUHAN MESYUARAT

Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 10.00 pagi. Pengerusi mengucapkan terima kasih di atas kehadiran semua ahli mesyuarat.

**SENARAI KEHADIRAN**

1. TN. SYED MOHAMAD NOOR BIN SYED MAT ALI  
PENGURUS MESYUARAT
2. TN. SYED JOHAN BIN SYED ALI  
P (KT)
3. PN. FAIZAH BINTI HARUN  
P (PP)
4. EN. NASIRRUDDIN BIN SAID ALANG GHAFAR  
KPP (KT)
5. EN. ZAIHAN BIN SHUKRI  
PENGARAH JMTI
6. EN. SABRI BIN ZAINUDDIN  
ADTEC TAIPING
7. DR. RAMLI BIN HJ RASHIDI  
PENGARAH ADTEC BINTULU
8. EN. ZURAKA BIN YUSOF  
PENGARAH ADTEC SHAH ALAM
9. PN. NORHUDA BINTI SALIM  
ADTEC SHAH ALAM
10. PN. ROSNAH BIN MUHAMAD TAHIR  
TIMB. PENGARAH ADTEC BATU PAHAT
11. PN. NOR ALIFAH BINTI ESKAK  
ADTEC MELAKA
12. PN. AZLIN BINTI ABD AZIZ  
ADTEC MELAKA
13. EN. KAMARUZAMAN BIN MD ALI  
PENGARAH ADTEC KULIM
14. EN. MOHD HASHIMI BIN ABD HADI  
PENGARAH ADTEC JERANTUT
15. TN. HJ MOHD MANOJ BIN JUMIDALI  
PENGARAH ILP KUALA LUMPUR

16. EN. ZAINUDDIN BIN AHMAD  
PENGARAH ILP KOTA BHARU
17. EN. RAJA MUHAMMED BIN RAJA DAUD  
ILP AP NIBONG TEBAL
18. EN. MOHAMAD SHUKRI BIN GHANI  
ILP MERSING
19. EN. MOHD ABD FATAH BIN MOHD RAMLY  
PENGARAH ILP BUKIT KATIL
20. EN. AB. RAHMAN BIN HJ. MOHD SAID  
PENGARAH ILP SELANDAR
21. EN. ADNAN BIN ISMAIL  
PENGARAH ILP LEDANG
22. EN. MOHD FAIZAL BIN TOKERAN  
PENGARAH ILP MIRI
23. EN. MAZLYSHAM BIN MOHAMAD  
ILP KUALA TERENGGANU
24. EN. JAMIL BIN YAHYA  
PENGARAH ILP IPOH
25. EN. MUSTAL BIN MAKMUD  
PENGARAH ILP KOTA KINABALU
26. EN. MUZAFAR SHAH BIN MOHD SHAH  
ILP PERAI
27. EN. SHAHRULL NIZAM BIN PERDAN  
PENGARAH ILP LABUAN
28. EN. SUKIMI BIN MAT SALLEH  
PENGARAH ILP KEPALA BATAS
29. EN. RAHMAT BIN AYOP  
PENGARAH KOTA SAMARAHAN
30. EN. MEGAT HUSAIN BIN MEGAT JAAFAR  
PENGARAH ILP KANGAR

**CATATAN MINIT MESYUARAT**  
**MESYUARAT JAWATANKUASA PEPERIKSAAN DAN PERSIJILAN**  
**BILANGAN 1/2013**

| <b>BIL</b> | <b>MINIT MESYUARAT/PERKARA</b>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                              | <b>TINDAKAN</b> | <b>STATUS KEMAJUAN/KEPUTUSAN</b>                                                                                                                                                   |
|------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 4.3        | Mesyuarat bersetuju agar kuantiti helaian " <u>smartsheet</u> " yang dibenarkan <u>dikekalkan sebanyak sehelai</u> dan <u>diberikan kepada pelajar lebih awal</u> supaya pelajar dapat menggunakan " <u>smartsheet</u> " dengan lebih baik.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                 | <b>P(KT)</b>    | Memo telah dikeluarkan kepada pihak ILJTM mengenai keputusan mesyuarat untuk mengekalkan penggunaan " <u>smartsheet</u> " seperti sedia ada.                                       |
| 4.4        | Mesyuarat mencadangkan agar " <u>smartsheet</u> " digunakan <u>oleh pelajar semasa ujian penilaian</u> supaya dapat membiasakan pelajar dengan penggunaan " <u>smartsheet</u> " semasa Peperiksaan Akhir.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                   | <b>P(ILJTM)</b> | Pihak institut telah ambil maklum dan akan dilaksanakan pada sesi 2/2013                                                                                                           |
| 4.5        | Mesyuarat menyarankan agar <u>analisis keputusan Peperiksaan Akhir Subjek Umum secara Open Book dibuat dengan lebih terperinci</u> mengikut kursus untuk menilai keberkesannya.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                             | <b>P(KT)</b>    | UPP telah mengumpul keputusan pelajar bagi kedua-dua subjek mengikut sampel yang dipilih seperti di lampiran.<br><br>Skop analisa ialah pencapaian pelajar bagi peperiksaan akhir. |
| 5.5        | KPP(KT)2 memaklumkan terdapat masalah pada penggunaan silibus bagi Kursus Automotif. Semua insitut kecuali ILP Jitra telah menggunakan silibus baru walaupun surat arahan daripada pihak Ibu Pejabat belum dikeluarkan. Ini menimbulkan permasalahan berkaitan penggubalan soalan yang mana kedua-dua soalan berdasarkan silibus baru dan lama terpaksa digubal. Untuk itu, pihak <u>UPP telah mengedarkan status penggunaan silibus bagi sesi ini kepada pihak institut untuk memastikan silibus yang betul digunakan. Pihak institut diminta menyemak penggunaan silibus untuk setiap</u> | <b>P(ILJTM)</b> | Semakan telah dibuat dan edaran status kepada pihak bengkel telah dibuat                                                                                                           |

31. EN. NOOR ARIFFIN BIN MOHD ARIFF  
PENGARAH ILP PEDAS
32. EN. SARMAN BIN HJ RAWAN  
PENGARAH ILP PASIR GUDANG
33. EN. SUAIBUNAHA BIN JUSOH  
PENGARAH ILP KUANTAN
34. PN. NORASHIKIN BINTI ISMAIL  
ILP KUALA LANGAT
35. EN. MUHAMAD NASIR BIN SAMAT  
ILP JITRA
36. EN. ABDUL HALIM BIN ABD RAHMAN  
PENGARAH ADTEC KEMAMAN
37. EN. ZULKIFLE BIN OMAR  
PENGARAH ILP MARANG

**URUS SETIA**

1. PN. AZLINA BT MOHAMAD SHAFIE  
KPP (KT)2
2. PN. NURUL AZREEN BINTI AZIZ  
PP (KT)
3. PN. NORALIZA BT MUHAMAD  
PPP (KT)

Disediakan oleh:  
Bahagian Kawalan Teknikal  
Jabatan Tenaga Manusia

|     | <u>kursus dari masa ke semasa.</u>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                    |                 |                                                                                                                                     |
|-----|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 5.6 | KPP(KT)2 menyarankan pihak institut memohon <u>penangguhan kepada JPK untuk menggunakan NOSS lama sekiranya tempoh kuasa program bagi NOSS berkenaan hampir tamat.</u> Ini bagi memastikan kesemua institut <u>menggunakan NOSS format baru (CoCU) secara serentak untuk memudahkan pemantauan oleh Ibu Pejabat.</u>                                                                                                                                                                                  | <b>P(ILJTM)</b> | Permohonan penangguhan telah dihantar kepada JPK                                                                                    |
| 6.4 | KPP(KT)2 memaklumkan berkenaan isu buku rujukan sebagai sumber latihan di institut. Sesetengah perpustakaan di institut adalah terlalu kecil dan buku rujukan tidak dikemaskini mengikut perubahan teknologi semasa. Isu ini adalah kritikal terutama kepada semua ADTEC dan JMTI kerana <u>MQA mensyaratkan semua buku yang disenaraikan sebagai rujukan di dalam silibus perlu ada di perpustakaan.</u> Buku-buku tersebut hendaklah dikemaskini mengikut keperluan dan tidak melebihi 5 tahun.     | <b>P(PK)</b>    | Peruntukan telah diedarkan kepada semua institut yang menjalankan program Diploma Teknologi Kejuruteraan bagi membeli buku rujukan. |
| 6.5 | KPP(KT)2 memaklumkan bagi <u>pelaksanaan single tier, Pegawai Naziran akan melihat portfolio pelajar bagi tahap yang tidak didaftarkan dengan JPK.</u> Maklum balas dari laporan verifikasi mendapati markah yang dimasukkan dalam portfolio tidak sama dengan SPC 02. KPP(KT)2 juga memaklumkan <u>kaedah menyusun bukti di dalam portfolio tidak seragam dan bukti tidak selari dengan jenis penilaian yang direkodkan pada RPK.</u> Pihak institut disaran agar memastikan RPK diisi dengan betul. | <b>P(ILJTM)</b> | Telah ambil tindakan dan makluman kepada pihak bengkel telah dibuat.                                                                |

|     |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                |             |                                                                                                                                                                                |
|-----|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 6.6 | KPP(KT)2 memaklumkan, <u>pembangunan portfolio</u> hanyalah untuk penilaian JPK dan subjek umum sahaja. <u>Bukti ketrampilan yang perlu dilampirkan</u> di dalam portfolio JPK adalah <u>Penilaian Teori, bukti keputusan penilaian teori, Penilaian Praktikal dan bukti keputusan penilaian praktikal. Bukti tugasan hanya dimasukkan ke dalam portfolio sekiranya menyumbang kepada markah kerja kursus.</u> | P(ILJTM)    | Telah ambil tindakan dan makluman kepada pihak bengkel telah dibuat.                                                                                                           |
| 6.7 | KPP(KT)2 memaklumkan untuk <u>pengesahan dokumen persijilan, hanya tandatangan pengajar dan pegawai atasan pengajar diperlukan pada SPC 02.</u>                                                                                                                                                                                                                                                                | P(ILJTM)    | Telah maklum dan telah dilaksanakan                                                                                                                                            |
| 6.8 | KPP(KT)2 memaklumkan <u>peratus kehadiran pelajar tidak menyumbang sebarang markah</u> dan peratus kehadiran hanyalah syarat untuk menduduki peperiksaan akhir.                                                                                                                                                                                                                                                | P(ILJTM)    | Telah maklum dan telah dipatuhi                                                                                                                                                |
| 8.2 | Mesyuarat <u>bersetuju untuk meminda nama kursus Diploma Teknologi Kejuruteraan Komputer dan Rangkaian di ADTEC Batu Pahat kepada Diploma Teknologi Kejuruteraan (Komputer dan Rangkaian).</u> Justifikasi penukaran adalah untuk memastikan <u>program ini ditauliah oleh MQA dan dimasukkan di dalam kumpulan kejuruteraan.</u>                                                                              | P(KT)&P(PL) | Pihak BPL telah dimaklumkan mengenai pertukaran ini. Senarai nama terkini bagi semua kursus peringkat sijil, diploma dan diploma lanjutan telah diedarkan untuk rujukan semua. |
| 8.3 | P(KT) memohon <u>penambahan senarai kursus</u> berikutan pelaksanaan <u>program khas yang akan ditawarkan mulai Julai 2013.</u> Kursus-kursus yang ditawarkan adalah <u>Teknologi Minyak &amp; Gas - Mekanikal (Plant / Downstream), Teknologi Minyak &amp; Gas - Elektrikal (Plant/Downstream) dan Teknologi Minyak &amp; Gas - Instrumentasi(Plant/Downstream)</u>                                           | P(KT)&P(PL) | Ketiga-tiga kursus telah ditambah di dalam senarai kursus sedia ada.                                                                                                           |

|      |                                                                                                                                                                                                                                                                            |             |                                                                                    |
|------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------|------------------------------------------------------------------------------------|
| 8.5  | Mesyuarat dimaklumkan <u>senarai</u> yang telah dikemaskini akan diedarkan kepada semua institut dan <u>dimuatnaik ke dalam laman Web JTM.</u>                                                                                                                             | P(KT)&P(PL) | Memo makluman telah diedarkan kepada semua ILJTM pada 8 April 2013                 |
| 9.2  | Mesyuarat bersetuju agar Penilaian Kendiri oleh Pusat Bertauliah dipertingkatkan pelaksanaannya dan projek rintis dijalankan dimana-mana institut untuk menilai keberkesanannya. <u>Status pelaksanaan projek rintis ini akan dibentangkan pada mesyuarat akan datang.</u> | P(KT)       | Pelaksanaan penilaian kendiri tidak dijalankan bagi peperiksaan akhir sesi 1/2013. |
| 10.1 | KPP(KT)2 memaklumkan status penggunaan silibus yang diedarkan adalah berdasarkan Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu dan <u>mohon semua institut peka dengan status silibus yang digunakan.</u>                                                                                 | P(ILJTM)    | Telah maklum dan silibus terkini digunakan                                         |
| 10.2 | Mesyuarat dimaklumkan <u>borang Pencalonan Tokoh Mahir oleh JPK</u> telah diedarkan kepada semua Pengarah ILJTM dan perlu dihantar semula kepada pihak Ibu Pejabat pada atau sebelum 18 Mac 2013.                                                                          | P(ILJTM)    | Tindakan telah diambil bagi institut yang ada pencalonan                           |
| 10.3 | Mesyuarat dimaklumkan agar semua <u>pegawai JTM meminta untuk mendaftar di dalam Daftar Pakar Industri Negara (DPIN)</u> bagi tujuan landasan kerjaya untuk pengajar dan <u>kenaikan pangkat.</u>                                                                          | P(ILJTM)    | Sebahagian pengajar yang layak telah mendaftar.                                    |
| 10.4 | Mesyuarat bersetuju bahawa <u>mana-mana pelajar yang ditawarkan bekerja sewaktu tempoh pelaksanaan latihan industri dan berjaya menyediakan laporan bagi tempoh tiga bulan akan diterima sebagai LULUS bagi modul Latihan Industri berkenaan.</u>                          | P(KT)       | Memo makluman mengenai perkara 10.4, 10.5 dan 10.6 telah dihantar pada 12 Mac 2013 |

|      |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                          |       |                                                                                             |
|------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------|---------------------------------------------------------------------------------------------|
| 10.5 | <p>Mesyuarat <u>bersetuju bahawa pengecualian pelaksanaan Latihan Industri bagi pelajar peringkat sijil hanya diberikan kepada pelajar yang menyambung latihan ke peringkat Diploma di dalam IUTM sahaja.</u></p>                                                                                                                        | P(KT) | <p>Memo makluman mengenai perkara 10.4, 10.5 dan 10.6 telah dihantar pada 12 Mac 2013</p>   |
| 10.6 | <p>Mesyuarat <u>bersetuju supaya isu berkenaan bayaran elaun bagi pelajar yang bekerja semasa tempoh pelaksanaan latihan industri dan status persijilan pelajar yang tidak berdaftar atau berhenti sebaik mendaftar di peringkat Diploma dipanjangkan untuk keputusan oleh pengurusan tertinggi jabatan.</u></p>                         | P(KT) | <p>Memo makluman mengenai perkara 10.4, 10.5 dan 10.6 telah dihantar pada 12 Mac 2013</p>   |
| 10.7 | <p>Mesyuarat <u>bersetuju bahawa bagi mana-mana pelajar yang tidak melaporkan diri pada awal semester akan diberi status GAGAL. Sekiranya kes ini dipanjangkan di dalam mesyuarat JTP institut dan pelajar diatuhkan hukuman tatatertib iaitu disingkirkan dari pengajian, status pelajar ini akan ditukar kepada DIBERHENTIKAN.</u></p> | P(KT) | <p>Isu ini telah dijelaskan kepada pengajar di dalam taklimat berkaitan penilaian CGPA.</p> |

**CATATAN MINIT MESYUARAT**  
**MESYUARAT JAWATANKUASA PEPERIKSAAN DAN PERSIJILAN**  
**BILANGAN 2/2013**

| <b>BIL</b> | <b>MINIT MESYUARAT/PERKARA</b>                                                                                                                                                                                                                                                                                                         | <b>TINDAKAN</b>                        | <b>STATUS KEMAJUAN/KEPUTUSAN</b>                                                                         |
|------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 2.3        | Mesyuarat dimaklumkan pendaftaran subjek tidak dapat dilaksanakan bagi program DTK kerana maklumat subjek belum dimasukkan ke dalam TMS. <u>Mesyuarat bersetuju agar pihak Ibu Pejabat menyelaras dengan ILJTM yang terlibat dengan program DTK untuk masukan maklumat subjek bagi setiap kursus di dalam TMS secara decentralize.</u> | <u>P(KT) dan semua ILJTM berkenaan</u> | Perbincangan akan dijalankan diantara ILJTM terlibat dengan pentadbir sistem TMS pada awal Oktober 2013. |
| 4.3        | Mesyuarat bersetuju <u>penyelarasan mengenai masukan maklumat subjek dan keperluan bagi Business Analysis untuk modul CGPA DTK dibincangkan dalam bengkel berkenaan.</u>                                                                                                                                                               | <u>P(KT)</u>                           | Telah dilaksanakan.                                                                                      |
| 4.5        | <u>Pihak institut diminta mencalonkan peserta dari kalangan pelajar yang telah menamatkan latihan serta berkebolehan dalam Bahasa Inggeris untuk memastikan pelajar mampu mengikuti Projek Rintis SHO dengan jayanya.</u>                                                                                                              | <u>P(ILJTM) berkenaan</u>              | Seramai 24 orang pelajar telah ditawarkan dan 5 orang pelajar sebagai calon simpanan.                    |
| 5.2        | Mesyuarat bersetuju <u>nama dan kod bagi Projek Tahun Akhir diselaraskan mengikut institut masing-masing.</u>                                                                                                                                                                                                                          | <u>P(ILJTM) berkenaan</u>              | Selesai.                                                                                                 |

|     |                                                                                                                                                                                                                                                                                                          |                    |                                 |
|-----|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------|---------------------------------|
| 5.3 | Mesyyarat bersetuju bahawa <u>jumlah jam kredit bagi Kurikulum hanya diambil kira bagi menentukan jumlah jam kredit terkumpul bagi tujuan graduasi.</u>                                                                                                                                                  | P(ILJTM) berkenaan | Semua ILJTM telah ambil maklum. |
| 6.2 | P(ADTEC Taiping) memaklumkan terdapat beberapa isu pengambilan pelajar yang dirujuk kepada pihak MQA dan masih di dalam pertimbangan MQA. Mesyuarat bersetuju agar Ibu Pejabat <u>mengumpulkan semua isu-isu berkaitan DTK dan mengadakan lawatan ke MQA bagi pencerahan berkenaan isu-isu tersebut.</u> | P(KT)              | Belum dilaksanakan.             |

**LAPORAN PELAKSANAAN  
PEPERIKSAAN AKHIR ILJTM  
SECARA ‘OPEN BOOK’  
SAINS KEJURUTERAAN  
MATEMATIK KEJURUTERAAN**

## LAMPIRAN 2

### ANALISA PENCAPAIAN PELAJAR BAGI PEPERIKSAAN SUBJEK UMUM SECARA OPEN BOOK


SUBJEK : MATEMATIK KEJURUTERAAN

SEM : 1

| ILJTM                | 1/2013        |                   |                   |                  |            |           |             |           |           |            |           |
|----------------------|---------------|-------------------|-------------------|------------------|------------|-----------|-------------|-----------|-----------|------------|-----------|
|                      | BIL<br>SAMPEL | PEPERIKSAAN AKHIR |                   |                  |            |           | KESELURUHAN |           |           |            |           |
|                      |               | MARKAH<br>MINIMA  | MARKAH<br>MAKSIMA | PURATA<br>MARKAH | 0 - 20     | 21-29     | 30-40       | 0-49      | 50-59     | 60-79      | 80-100    |
| ILP KUALA LUMPUR     | 17            | 12                | 34                | 21               | 10         | 4         | 3           | 0         | 6         | 10         | 1         |
| ILP SANDAKAN         | 37            | 10                | 37                | 15               | 13         | 12        | 12          | 0         | 1         | 19         | 17        |
| ILP BUKIT KATIL      | 42            | 10                | 37                | 21               | 30         | 6         | 6           | 0         | 15        | 26         | 1         |
| ILP KUALA TERENGGANU | 75            | 0                 | 40                | 17               | 49         | 21        | 5           | 7         | 23        | 40         | 5         |
| ILP KUANTAN          | 57            | 6                 | 36                | 19               | 33         | 19        | 5           | 3         | 31        | 19         | 4         |
| ILP IPOH             | 31            | 5                 | 28                | 16               | 20         | 11        | 0           | 0         | 7         | 23         | 1         |
| ILP KANGAR           | 50            | 3                 | 40                | 21               | 35         | 10        | 5           | 0         | 11        | 28         | 10        |
| <b>KESELURUHAN</b>   | <b>309</b>    | <b>0</b>          | <b>40</b>         |                  | <b>190</b> | <b>83</b> | <b>36</b>   | <b>10</b> | <b>94</b> | <b>165</b> | <b>39</b> |


# MATEMATIK KEJURUTERAAN 1

**MARKAH PEPERIKSAAN  
AKHIR ( 40 % )**



■ 0-20 ■ 21-29 ■ 30-40

**MARKAH KESELURUHAN ( 100 % )**



■ 0-49 ■ 50-59 ■ 60-79 ■ 80-100

## LAMPIRAN 2

### ANALISA PENCAPAIAN PELAJAR BAGI PEPERIKSAAN SUBJEK UMUM SECARA OPEN BOOK


SUBJEK : MATEMATIK KEJURUTERAAN

SEM : 2

| ILTM                    | BIL<br>SAMPel | 1/2013            |                   |                  |            |           |             |           |            |            |           |
|-------------------------|---------------|-------------------|-------------------|------------------|------------|-----------|-------------|-----------|------------|------------|-----------|
|                         |               | PEPERIKSAAN AKHIR |                   |                  |            |           | KESELURUHAN |           |            |            |           |
|                         |               | MARKAH<br>MINIMA  | MARKAH<br>MAKSIMA | PURATA<br>MARKAH | 0 - 20     | 21-29     | 30-40       | 0-49      | 50-59      | 60-79      | 80-100    |
| ILP KUALA LUMPUR        | 90            | 0                 | 37                | 13.5             | 72         | 13        | 5           | 6         | 39         | 39         | 6         |
| ILP SANDAKAN            | 40            | 8                 | 35                | 11               | 29         | 10        | 1           | 0         | 4          | 27         | 9         |
| ILP BUKIT KATIL         | 47            | 6                 | 36                | 20               | 28         | 11        | 8           | 2         | 20         | 23         | 2         |
| ILP KUALA<br>TERENGGANU | 58            | 6                 | 39                | 21               | 25         | 22        | 11          | 0         | 15         | 36         | 7         |
| ILP KUANTAN             | 78            | 0                 | 29                | 17               | 54         | 24        | 0           | 2         | 37         | 39         | 0         |
| ILP IPOH                | 34            | 5                 | 25                | 15               | 27         | 7         | 0           | 0         | 8          | 24         | 2         |
| ILP KANGAR              | 15            | 8                 | 37                | 9                | 10         | 4         | 1           | 0         | 10         | 4          | 1         |
| <b>KESELURUHAN</b>      | <b>362</b>    | <b>0</b>          | <b>39</b>         |                  | <b>245</b> | <b>91</b> | <b>26</b>   | <b>10</b> | <b>133</b> | <b>192</b> | <b>27</b> |


## MATEMATIK KEJURUTERAAN 2

**MARKAH PEPERIKSAAN  
AKHIR ( 40 % )**



■ 0-20 ■ 21-29 ■ 30-40

**MARKAH KESELURUHAN ( 100 % )**



■ 0-49 ■ 50-59 ■ 60-79 ■ 80-100

## LAMPIRAN 2

### ANALISA PENCAPAIAN PELAJAR BAGI PEPERIKSAAN SUBJEK UMUM SECARA OPEN BOOK


SUBJEK : MATEMATIK KEJURUTERAAN

SEM : 3

| ILJTM                   | BIL<br>SAMPAL | PEPERIKSAAN AKHIR |                   |                  |            |           |           | KESELURUHAN |            |            |           |
|-------------------------|---------------|-------------------|-------------------|------------------|------------|-----------|-----------|-------------|------------|------------|-----------|
|                         |               | MARKAH<br>MINIMA  | MARKAH<br>MAKSIMA | PURATA<br>MARKAH | 0 - 20     | 21-29     | 30-40     | 0-49        | 50-59      | 60-79      | 80-100    |
|                         |               |                   |                   |                  |            |           |           |             |            |            |           |
| ILP KUALA LUMPUR        | 71            | 3                 | 40                | 20               | 37         | 20        | 14        | 0           | 26         | 31         | 14        |
| ILP KOTA KINABALU       | 16            | 9                 | 28                | 18               | 11         | 5         | 0         | 0           | 9          | 7          | 0         |
| ILP SANDAKAN            | 36            | 6                 | 34                | 17               | 25         | 9         | 2         | 2           | 9          | 23         | 2         |
| ILP BUKIT KATIL         | 45            | 2                 | 30                | 15               | 31         | 12        | 2         | 0           | 22         | 18         | 5         |
| ILP KUALA<br>TERENGGANU | 42            | 2                 | 26                | 15               | 34         | 8         | 0         | 1           | 30         | 11         | 0         |
| ILP KUANTAN             | 38            | 4                 | 37                | 20               | 19         | 6         | 13        | 0           | 12         | 13         | 13        |
| ILP IPOH                | 6             | 6                 | 18                | 9                | 6          | 0         | 0         | 2           | 2          | 2          | 0         |
| ILP KANGAR              | 22            | 6                 | 26                | 14               | 19         | 3         | 0         | 0           | 2          | 18         | 2         |
| <b>KESELURUHAN</b>      | <b>276</b>    | <b>2</b>          | <b>40</b>         |                  | <b>182</b> | <b>63</b> | <b>31</b> | <b>5</b>    | <b>112</b> | <b>123</b> | <b>36</b> |


## MATEMATIK KEJURUTERAAN 3

**MARKAH PEPERIKSAAN  
AKHIR ( 40 % )**



■ 0-20 ■ 21-29 ■ 30-40

**MARKAH KESELURUHAN ( 100 % )**



■ 0-49 ■ 50-59 ■ 60-79 ■ 80-100

## LAMPIRAN 2

### ANALISA PENCAPAIAN PELAJAR BAGI PEPERIKSAAN SUBJEK UMUM SECARA OPEN BOOK


SUBJEK : MATEMATIK KEJURUTERAAN

SEM : 4

|                      |               | 1/2013            |                   |                  |            |            |           |             |            |            |           |
|----------------------|---------------|-------------------|-------------------|------------------|------------|------------|-----------|-------------|------------|------------|-----------|
| ILJTM                | BIL<br>SAMPEL | PEPERIKSAAN AKHIR |                   |                  |            |            |           | KESELURUHAN |            |            |           |
